

# Riang-Riang Raya Pengerat Silaturrahim Warga UiTM Kampus Seremban

**Razif Sazali**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban

**Marzura Mohd Idris**

Bahagian Pentadbiran

**Suhaimi Hj. Abd Samad (Dr.)**

Penolong Rektor

**CR. Norfarhana Zulkifli**

Unit Kerja dan Kaunseling

**Khairolizwan Harry**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

**Nur Haidar Hanafi**

Fakulti Sains dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

SEREMBAN, 20 Mei – Setelah dua tahun warga UiTM Kampus Seremban tidak beramah mesra dalam sambutan Aidilfitri secara fizikal, tahun ini menyaksikan titik permulaan kepada proses peralihan kepada endamik dengan bermulanya Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Majlis tersebut merupakan penganjuran bersama pengurusan kampus bersama syarikat pihak konsesi iaitu BMES Maintenance Services Sdn Bhd dan Inovatif Mewah Sdn Bhd. Rata-rata warga kampus sangat teruja dengan penganjuran majlis berkenaan yang telah dirasmikan oleh Profesor Dr Yamin Yasin, Rektor, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Dalam ucapan perasmian, beliau berkata, "setelah mengharungi segala onak duri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berpanjangan selama dua tahun ini, kita semua telah diberi

kesempatan oleh Allah SWT untuk menyambut hari lebaran ini dengan penuh rasa rendah diri sebagai seorang hamba yang bersyukur." ujar Profesor Dr Yamin Yasin.



Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai acara seperti deko raya, pakaian terbaik dan pertandingan karaoke raya yang melihatkan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi mendominasi kesemua hadiah yang ditawarkan. Majlis yang berjalan secara santai ini dilihat dapat merapatkan lagi ukhuwah dan silaturrahim antara warga kampus secara amnya. Tambahan lagi, ianya diharapkan dapat memupuk semangat muhibbah antara rakan sekerja dalam kalangan warga UiTM.



Maklumat tambahan:

*Artikel di atas diolah daripada penulisan penulis sendiri di Facebook UiTM Kampus Seremban*